



Bank Pilihan Anda

SOALAN-SOALAN LAZIM

REVISED LOYALTY PROGRAM KAD KREDIT-i BANK RAKYAT

1. Apakah Revised Loyalty Program Kad Kredit-i Bank Rakyat?

Revised Loyalty Program Kad Kredit-i Bank Rakyat (“**Program**”) ialah pembaharuan mekanisme pada mata ganjaran sedia ada iaitu Mata Ganjaran Rakyat dan Tabung Ganjaran Rakyat.

2. Apakah pembaharuan mekanisme Program ini?

A. Mata Ganjaran Rakyat

Mulai **16 Jun 2022**, Mata Ganjaran Rakyat akan mempunyai tempoh tamat selama tiga tahun. Namun, tiada perubahan pada mekanisme bagi Mata Ganjaran Rakyat iaitu satu mata ganjaran akan diberikan kepada pemegang Kad Kredit-i untuk setiap RM10 penggunaan. Mata ganjaran tersebut kemudiannya akan ditukarkan kepada tunai pada kadar RM0.10 bagi setiap 10 mata ganjaran.

B. Tabung Ganjaran Rakyat/ Rebat Rakyat

Mulai **16 Jun 2022**, Tabung Ganjaran Rakyat akan dikenali sebagai Rebat Rakyat dan jumlah rebat keuntungan yang diperolehi akan ditolak dengan jumlah semasa baki kad utama pada tarikh penyata.

Jadual rebat bagi Rebat Rakyat masih menggunakan mekanisme yang sama dengan Tabung Ganjaran Rakyat seperti dalam jadual di bawah:

Perkara	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Kemudahan 'auto debit'	0.5%	0.5%	0.5%
Rekod pembayaran yang baik	1.0%	1.0%	1.5%
Lain-lain kemudahan pembiayaan di Bank Rakyat	0.5%	1.0%	1.0%
Jumlah Rebat (Rebat Rakyat)	2.0%	2.5%	3.0%

3. Siapakah yang boleh menyertai Program ini?

Pemegang kad yang mempunyai akaun yang sah dengan kedudukan yang baik, tidak ditutup, dibatalkan, digantung atau ditamatkan oleh Bank Rakyat layak untuk menyertai Program ini tertakluk kepada terma dan syarat. Pemegang kad utama atau tambahan adalah layak menyertai Program ini.

4. Bagaimanakah pengiraan tempoh tamat bagi Mata Ganjaran Rakyat yang baharu?

Mulai 16 Jun 2022, Mata Ganjaran Rakyat akan mempunyai tempoh tamat selama tiga tahun. Mata Ganjaran Rakyat yang diperolehi dalam bulan tertentu adalah sah sehingga akhir bulan kalendar tersebut dalam tahun ketiga.

(a) Semua Mata Ganjaran Rakyat yang diperolehi sebelum 16 Jun 2022 akan tamat tempoh pada 15 Jun 2025.

(b) Semua Mata Ganjaran Rakyat yang diperoleh bermula 16 Jun 2022 dan seterusnya akan mempunyai tempoh tiga tahun sebelum tamat tempoh berdasarkan bulan Mata Ganjaran Rakyat yang diperoleh.

Berikut ialah contoh jadual yang menggambarkan Mata Ganjaran Rakyat terkumpul dan tarikh luput:

Bulan/Tahun	Mata Ganjaran Rakyat Terkumpul	Tarikh Luput Mata Ganjaran Rakyat
Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022	15 Jun 2025
Jun 2022	Dari 16 hingga 30 Jun 2022	Pada 30 Jun 2025
Januari 2023	Dari 1 hingga 31 Jan 2023	Pada 31 Jan 2026
Mac 2024	Dari 1 hingga 31 Mac 2024	Pada 31 Mac 2027

5. Saya ialah pemegang sedia ada Kad Kredit-i Bank Rakyat, apakah yang akan terjadi pada jumlah rebat Tabung Ganjaran Rakyat yang saya peroleh sebelum 16 Jun 2022?

Untuk pemegang kad sedia ada, jumlah rebat Tabung Ganjaran Rakyat yang terkumpul hingga 15 Jun 2022 akan ditukarkan kepada Mata Ganjaran Rakyat dengan menggunakan kaedah penukaran Ganjaran Rakyat sedia ada. Ilustrasi penukaran seperti jadual di bawah:

Senario	Bulan/Tahun	Tabung Ganjaran Rakyat	Penukaran ke Mata Ganjaran Rakyat	Jumlah Mata Ganjaran Rakyat Sedia Ada	Jumlah Terkumpul Mata Ganjaran Rakyat
1	Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022			16 Jun 2022
		RM50	5,000 mata ganjaran	10,000 mata ganjaran	<u>15,000</u> <u>mata ganjaran</u>
2	Sebelum 15 Jun 2022	Sehingga 15 Jun 2022			16 Jun 2022
		RM100	10,000 mata ganjaran	15,000 mata ganjaran	<u>25,000</u> <u>mata ganjaran</u>

6. Bagaimanakah saya boleh menebus Mata Ganjaran Rakyat?

Anda boleh menebus melalui perbankan internet iRakyat **SAHAJA** (www.irakyat.com.my).

Nota: Sila rujuk terma dan syarat bagi langkah pendaftaran perbankan internet iRakyat.

7. Bagaimanakah saya boleh menyemak baki Mata Ganjaran Rakyat saya?

Mata Ganjaran Rakyat yang terkumpul akan dinyatakan dalam penyata bulanan kad anda.



Bank Pilihan Anda

8. Bolehkah saya menggabungkan Mata Ganjaran Rakyat saya untuk penebusan jika saya mempunyai lebih daripada satu (1) Kad Utama?

Ya. Anda boleh menggabungkan Mata Ganjaran Rakyat terkumpul anda bagi setiap kad untuk penebusan.

9. Bolehkah Ahli Kad Tambahan saya menebus Mata Ganjaran Rakyat beliau?

Tidak. Mata Ganjaran Rakyat hanya boleh ditebus oleh Ahli Kad Utama.

10. Adakah Mata Ganjaran Rakyat saya boleh dipindah milik?

Tidak, Mata Ganjaran Rakyat tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana akaun lain termasuk akaun Ahli Kad Tambahan anda atau pihak ketiga. Bagaimanapun, jika kad gantian dikeluarkan, Mata Ganjaran Rakyat terkumpul yang diperolehi dalam kad lama akan dipindahkan secara automatik ke akaun kad yang baharu.

11. Jika saya membatalkan Kad Kredit-i, adakah saya masih boleh menebus Mata Ganjaran Rakyat saya?

Tidak. Apabila kad dibatalkan, semua Mata Ganjaran Rakyat akan dibatalkan dan anda tidak layak untuk membuat penukaran dan/atau penebusan.

Nota:

1. Kami menasihati anda untuk membaca dan memahami terma dan syarat penuh Program Loyalty Bank Rakyat.
2. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-80-5454 atau 03-26936880.